

Wartawan perlu jadi pencetus idea

PM beri jaminan dunia media negara bebas campur tangan kerajaan

Oleh Fahmy A Rosli
fahmy.azril@bh.com.my

Ipoh: Datuk Seri Anwar Ibrahim mahu penggiat media di negara ini memupuk kesedaran dalam usaha mewujudkan budaya baharu dalam industri kewartawanan.

Menyingkap teladan yang ditunjukkan tokoh wartawan terdahulu, Perdana Menteri berkata, asas penting kewartawanan perlu berlandaskan prinsip dan nilai yang boleh memberi manfaat kepada rakyat.

Beliau berkata, wartawan zaman dahulu juga berperanan sebagai penggagas idea, selain bertindak menjadi pencetus gerakan perubahan.

"Kita singkap sejarah wartawan Perak dan juga wartawan di negara kita yang sebenarnya juga adalah penggagas idea, pencetus semangat kemerdekaan, penyemai benih kesederhanaan dan pengislahan.

"Ia termasuk Za'ba yang membawa islah atau perubahan. Juga tokoh kebangsaan lain iaitu Kajai, A Samad Said, Osman Awang yang merupakan pemain utama dalam menjayakan nilai baharu kewartawanan.

"Ada babak cemas bila berlaku mogok Utusan kerana usaha penggagas idea ketika itu, pencetus benih kesedaran kebangsaan yang mahu mempertahankan kebebasan media sebagai suara hati nurani rakyat.

"Kemudian apabila wartawan cuba memberi teguran, kritikan... (akhbar) *The Star* pernah diharamkan.

"Saya singkap pengalaman ini untuk tunjukkan perjuangan dalam kalangan wartawan yang mempunyai idea, prinsip dan nilai tidak semestinya mudah," katanya berucap merasmikan Hari Wartawan Nasional (HAWANA) 2023 di sini, semalam.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi; Menteri Komunikasi dan Digital, Fahmi Fadzil dan Menteri Besar Perak, Datuk Seri Saarani Mohamad.

Bertemakan 'Media Bebas Tunjang Demokrasi', kira-kira 1,000 pengamal media menghadiri majlis yang diadakan untuk mengiktiraf peranan media.

Perdana Menteri juga menegaskan, beliau tidak mahu wartawan sekadar menjadi perakam detik, sebaliknya profesion itu harus menjadi pencetus idea berdasarkan nilai.

Mengambil contoh MADANI yang ditunjinginya, Anwar berkata, antara nilai yang digariskan dalam pendekatan itu adalah demokrasi dan bukannya fahaman sempit.

"Kita nak terapkan nilai, bukan fahaman sempit yang boleh melemah dan mematikan semangat atau boleh memecah-belahkan rakyat.

"Selain itu, harus juga memaknai kehidupan dan bagaimana kedudukan rakyat serta negara boleh diangkat harakat dan martabat dengan nilai yang senang soal kemanusiaan, persaudaraan, menolak kemungkaran, rasuah, penindasan yang akan merosakkan sendi masyarakat dan merobohkan kekuatan yang kita bina selama ini," katanya.

Perdana Menteri turut memberi jaminan industri kewartawanan negara bebas sepenuhnya tanpa campur tangan mana-mana pihak, khususnya kerajaan.

"Syukur Alhamdulillah dengan perubahan, masa dan juga iklim politik, maka saya akan rakan dalam pimpinan kerajaan membuat keputusan sangat jelas bahawa media di Malaysia harus



Anwar menyampaikan Anugerah HAWANA 2023 kepada Lat sambil diperhatikan Ahmad Zahid, Fahmi, Saarani dan Ketua Pegawai Eksekutif Pertubuhan Berita Nasional Malaysia (BERNAMA), Roslan Ariffin (kanan) sempena sambutan HAWANA 2023 di Ipoh, semalam. (Foto bernama)



bebas sepenuhnya," katanya.

Perdana Menteri berkata, beliau tidak mahu isu membabitkan permusuhan kaum, menyempitkan risalah agama yang boleh mencetuskan kerosakan, kekecohan dalam masyarakat dimainkan pengamal media.

Selain itu, beliau menegaskan menerima segala kritikan terhadap pentadbirannya, termasuk dirinya sendiri.

"Selain itu, kritikan terhadap Perdana Menteri atau pimpinan itu harus, dan tidak harus timbul rasa cemas serta takut

dalam kalangan pimpinan.

"Kita bersedia dengan hujah jika benar ada kelemahan, kita sedia mohon maaf dan melakukan perubahan. Sebab itu, rakan-rakan, wartawan yang beri sambutan luar biasa hari ini harus terima kenyataan," katanya.

Mengenai industri persuratkhabaran negara, beliau berkata, surat khabar masih relevan, sekali gus mewajarkan penerbitan naskhah itu dalam kancah media hari ini.

Meskipun teknologi berevolusi ditambah pula kewujudan banyak platform media sosial yang memaparkan berita terkini, Perdana Menteri berkata, beliau masih memilih untuk membaca akhbar secara fizikal.

Bagi memastikan kekal relevan dan tidak 'pupus', beliau berharap penggiat industri berkenaan menggarap nilai integriti yang tinggi, selain mengekalkan kualiti berita.

"Saya terbaca satu keputusan baharu di Amerika Syarikat (AS)

yang menunjukkan bahawa pandangan beberapa media kalau dipertahankan integriti, mutu mampu bertahan," katanya.

Pada majlis semalam, Perdana Menteri mengumumkan peruntukan permulaan RM1 juta untuk Tabung Kasih@HAWANA bagi menyantuni pengamal media, bekas petugas media dan wartawan veteran yang memerlukan bantuan.

Anwar turut menyampaikan sumbangan tabung berkenaan kepada tiga wartawan veteran di Perak, iaitu bekas pemberita bebas, Ou So Ha @ Ou Kok Meng, 74; pemberita sambilan akhbar Tamil Malar, V Maniam, 76, dan editor portal berita Independent.my, Haron Shafei, 65.

Terdahulu di bawah inisiatif sama Haslinda Ahmad, balu kepada jurukamera TV3 Perak, Allahyarham Rosli Abu Bakar, turut menerima sumbangan itu.

Anwar turut menyampaikan Anugerah HAWANA 2023 kepada Datuk Mohammad Nor Khalid atau terkenal dengan panggilan Datuk Lat.